

19 DEC 2001

TONGKAH-RUNDINGAN

TONGKAH BERUNDING UNTUK BELI PERNIAGAAN BARU

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd (THB) sedang mengadakan rundingan dengan beberapa pihak untuk membeli perniagaan-pernigaan baru dan kekal maju.

Bagaimanapun, pada sidang akhbar selepas mesyuarat agung luarbiasa syarikat itu hari ini, pengarah eksekutifnya Abdul Rahim Awang, enggan menamakan pihak-pihak yang terbabit. Katanya, masanya masih terlalu awal untuk membuat sebarang pengumuman.

Setakat hari ini, Tongkah belum membuat peruntukan bagi pembelian tersebut. Jumlah peruntukan itu bergantung kepada perkembangan rundingan-rundingan yang diadakan, tambahnya.

Tongkah adalah antara 90 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang dianggap kekurangan modal.

Sebuah akhbar harian tempatan melaporkan baru-baru ini bahawa syarikat itu akan menghadapi tindakan pembatalan penyengaraiannya jika ia gagal mendapatkan penyelamat atau menyusun semula hutangnya.

Tetapi, BSKL menjawab bahawa syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan boleh dibenar mengemukakan pelan penyelamat selepas tarikh akhir Disember 2002.

Terdahulu, BSKL menetapkan tarikh akhir pada Feb 2002 bagi mempercepatkan pemulihan syarikat-syarikat culas.

Tetapi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melanjutkan tarikh akhir itu kepada Dec 2002 dalam pembentangan Belanjawan 2002nya Okt 2001 lalu.

Tongkah mencatat defisit dana pemegang saham secara tergabung sebanyak RM351.85 juta.

Syarikat itu tidak mencapai tahap operasi yang mencukupi apabila ia menjual 51 peratus dan 82.41 peratus kepentingannya masing-masing dalam Tongkah Electronics Sdn Bhd dan Tongkah Moulding Technologies Sdn Bhd.

Kedua-dua syarikat itu menyumbang 73.33 peratus kepada pendapatan kumpulan tersebut.

Hari ini, pemegang-pemegang saham Tongkah meluluskan cadangan menjual Kestrel Securities Sdn Bhd (KSSB) kepada Allied Avenue Assets Securities Sdn Bhd (AAAB).

Cadangan menjual itu melibatkan 75 peratus kepentingan atau 29.25 juta saham yang dipegang oleh syarikat itu dalam KSSB melalui pertukaran saham-saham baru Avenue Assets Bhd (AAB) pada nilai yang akan ditetapkan kemudian.

Nilai jualan itu akan diasaskan kepada 200 peratus aset ketara bersih (NTA) tergabung beraudit kepentingan ekuiti THB dalam KSSB.

AAAB adalah anak syarikat milik penuh AAB.

Abdul Rahim berkata beliau berharap urusan korporat itu akan selesai menjelang Jun 2002. Ia juga bergantung kepada selesaikan terbitan hak oleh AAB.

Dalam surat pekelilingnya kepada pemegang saham dan pemegang bon hari ini, syarikat itu mengandaikan pertimbangan jualan bagi cadangan jualan itu berjumlah RM85.318 juta.

Nilai yang diandaikan itu didasarkan kepada 200 peratus NTA tergabung beraudit KSSB bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun, 2001 berjumlah RM56.878 juta.

-- BERNAMA

MFZ KTC KY ZK